

## **Panduan Pendaftaran Pertubuhan**

---

### **1. PENDAHULUAN**

Pertubuhan berdaftar hendaklah berfungsi mengikut kehendak undang-undang berdaftaranya dan mematuhi sepenuhnya Akta Pertubuhan 1966 serta Peraturan-Peraturan Pertubuhan 1984.

### **2. UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN-PERATURAN YANG BERKUATKUASA**

2.1 Akta Pertubuhan 1966;

2.2 Peraturan-Peraturan Pertubuhan 1984.

### **3. TAKRIF PERTUBUHAN**

Di bawah Seksyen 2 Akta Pertubuhan, 1966 "Pertubuhan" ditakrifkan sebagai persatuan, kelab atau badan-badan yang bergerak berasaskan keahlian mengandungi 7 orang ahli atau lebih serta mempunyai tujuan-tujuan tertentu sama ada kekal atau sementara tetapi tidak termasuk pertubuhan-pertubuhan/badan-badan yang telah disahkan pengwujudannya di bawah undang-undang lain yang berkuatkuasa di Malaysia seperti syarikat, kesatuan sekerja, koperasi dan sebagainya.

### **4. BAGAIMANA MENUBUHKAN PERTUBUHAN**

4.1 Satu mesyuarat penubuhan yang dihadiri oleh sekurang-kurangnya tujuh (7) orang hendaklah diadakan dan nama-nama mereka yang hadir hendaklah dicatatkan dalam minit mesyuarat (bagi pertubuhan bertaraf kebangsaan, tujuh (7) wakil dari tujuh (7) negeri berlainan di Malaysia).

4.2 Mesyuarat penubuhan tersebut hendaklah membuat ketetapan-ketetapan berikut:

- (a) bersetuju menubuhkan pertubuhan lengkap dengan tujuan;
- (b) meluluskan nama pertubuhan yang akan didaftarkan (nama pertubuhan hendaklah selaras dengan tujuan dan keahlian pertubuhan);
- (c) meluluskan alamat tempat urusan dan alamat surat menyurat pertubuhan;
- (d) melantik Ahli-Ahli Jawatankuasa Penaja/Protem untuk menguruskan pendaftaran pertubuhan (nama individu mengikut no. kad pengenalan dan jawatan hendaklah dinyatakan) ; dan
- (e) menyediakan/meluluskan Undang-undang Tubuh (Perlembagaan) Pertubuhan yang hendak didaftarkan. (Undang-undang ini hendaklah memenuhi keperluan Jadual 1 Akta Pertubuhan, 1956);

4.3 Mencatatkan perjalanan mesyuarat penubuhan (Minit Mesyuarat Penubuhan) pertubuhan serta keputusan terhadap ketetapan-ketetapan yang dibuat. Minit mesyuarat hendaklah mengandungi tarikh, masa mesyuarat dan jumlah kehadiran (senarai kehadiran perlu disertakan di lampiran berasingan)

## 5. CARA-CARA MENGEMUKAKAN PERMOHONAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN

5.1 Tiap-tiap permohonan hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut:

- (a) 6 salinan borang permohonan [Borang 1 – Permohonan bagi Pendaftaran Pertubuhan](#) yang sempurna diisi dan ditandatangani oleh 2 pemegang jawatan utama pertubuhan;
  - (b) 6 salinan senarai Ahli-Ahli Jawatankuasa Penaja Pertubuhan; (Senarai ini hendaklah mengandungi butir-butir seperti: nama (bagi orang-orang Cina ditulis juga nama dalam huruf Cina), jawatan dalam pertubuhan (Presiden/Yang DiPertua/Pengerusi, Timbalan Presiden/Timbalan Yang DiPertua/Timbalan Pengerusi, Naib Presiden/Naib Yang DiPertua/Naib Pengerusi, Setiausaha, Bendahari dan ahli jawatankuasa biasa), nombor kad pengenalan, tarikh lahir, tempat lahir, pekerjaan, nama dan alamat majikan serta alamat rumah bagi tiap-tiap Ahli Jawatankuasa);
  - (c) 6 salinan undang-undang (perlembagaan) pertubuhan;
  - (d) 6 salinan contoh lambang, bendera, lencana dan lain-lain tanda yang berwarna dan keterangan mengenai maksud tanda-tanda tersebut di dalamnya (jika berkenaan);
  - (e) 2 salinan minit mesyuarat penubuhan yang mencatatkan ketetapan seperti disebutkan pada di para 4.2;
  - (f) Surat kebenaran menggunakan alamat daripada tuan punya alamat, jika berkenaan. (Jika menggunakan alamat pejabat, sekolah, hospital, ladang, syarikat atau kilang, surat kebenaran majikan/tuan punya alamat hendaklah disertakan); dan
  - (g) Fi pemprosesan berjumlah RM30.00 dalam bentuk wang tunai/bank draf/kiriman wang atas nama **Pendaftar** sekiranya permohonan dihantar ke Ibu Pejabat Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia atau **Penolong Pendaftar** sekiranya permohonan dihantar ke Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Negeri.
- 5.2 Tiap-tiap salinan dokumen di (a), (b), (c), (d) dan (e) mestilah ditandatangani oleh 2 orang pemegang jawatan utama pertubuhan. Pemegang jawatan utama bermaksud Presiden/Yang DiPertua/Pengerusi, Timbalan Presiden/Timbalan Yang DiPertua/Timbalan Pengerusi, Naib Presiden/Naib Yang DiPertua/Naib Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari.
- 5.3 Borang-borang permohonan bagi mendaftarkan pertubuhan (Borang 1) boleh dimuat turun secara percuma di Portal JPPM atau diperolehi daripada Ibu Pejabat dan mana-mana Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Negeri dengan bayaran RM1.00 senaskah.

## 6. DI MANA HENDAK MENGEMUKAKAN PERMOHONAN

Permohonan pendaftaran pertubuhan hendaklah dikemukakan ke Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Negeri di mana alamat berdaftar pertubuhan ditetapkan.

## 7. RAYUAN TERHADAP PENOLAKAN PERMOHONAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN

- 7.1 Di bawah Seksyen 18 Akta Pertubuhan 1966, mana-mana pertubuhan, pemegang jawatan atau ahli pertubuhan yang musykil dengan keputusan Pendaftar Pertubuhan dalam hal penolakan permohonan pendaftaran boleh membuat rayuan terhadap keputusan itu kepada Menteri Dalam Negeri dalam tempoh 30 hari dari tarikh keputusan Pendaftar.
- 7.2 Surat rayuan dan bayaran fi pemprosesan berjumlah RM50.00 dalam bentuk wang tunai/bank draf/kiriman wang hendaklah dikemukakan kepada Ibu Pejabat, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia atau Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Negeri di mana alamat berdaftar pertubuhan ditetapkan.